

09 JAN 2002

Koizumi-Lawatan/I

JEPUN DIJANGKA BANTU MALAYSIA TINGKATKAN DASAR PANDANG KE TIMUR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Jepun dijangka memberi komitmennya dalam membantu Malaysia meningkatkan dasar Pandang ke Timur semasa lawatan Perdana Menteri Junichiro Koizumi ke Malaysia esok.

Duta Jepun ke Malaysia, Masaki Konishi berkata beliau yakin perkara itu akan menjadi antara agenda pada perbincangan antara Kozumi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Semasa bertemu Perdana Menteri Dr Mahathir, beliau akan membincangkan banyak isu, daripada aspek yang lebih besar memandangkan Malaysia merupakan negara utama di rantau ini.

"Jika saya boleh kata (mengenai perbincangan itu), ia tidak sahaja (mengenai) operasi dua hala termasuk masa depan Dasar Pandang Ke Timur, malah pelbagai isu antarabangsa seperti keganasan," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Koizumi yang menyambut ulangtahun kelahirannya yang ke-60 tahun semalam, tiba di sini esok dalam lawatan ke negara-negara Asia Tenggara bagi meningkatkan kerjasama dengan negara-negara Asean.

Ia merupakan lawatan pertama beliau ke negara-negara Asean sejak mengambil alih jawatan itu April tahun lepas. Beliau merancang mengadakan lawatan itu September tahun lepas tetapi menanggungkannya berikutan serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Konishi berkata Dasar Pandang Ke Timur penting dalam memperkukuhkan hubungan dua hala antara Jepun dan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Selain mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, Koizumi akan bertemu wakil Alumni Dasar Pandang Ke Timur, katanya.

Koizumi juga akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulai, pemimpin asing pertama yang diberi penghormatan untuk bertemu Yang di-Pertuang Agong yang baru.

Konishi berkata lawatan Koizumi ke Asia Tenggara mencerminkan semangat apa yang dikenali sebagai "Fukuda Doctrine" yang diusahakan oleh Perdana Menteri Takeo Fukuda.

"25 tahun lepas di Manila, Fukuda membuat ucapan bersejarah yang menggariskan dasar luarnya untuk Asia Tenggara mengenai asas usahsama sama rata dan hubungan hati ke hati," katanya.

Idea itu katanya telah mewujudkan persefahaman dan kepercayaan antara negara-negara Asia Tenggara dan Jepun.

-- BERNAMA

AZZ HK AHH LAT